



**BADAN PEMUAFKATAN PENDIDIKAN MARA MALAYSIA (MUAFAKAT)  
CAWANGAN KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG**

Lot 2333 Jalan Kajang/Seremban, 43000 Beranang, Selangor Darul Ehsan



Kepada Yang Berkenaan,

Rujukan Kami : MUAFAKAT KPMB  
/Infaq 2024 (13)

Rujukan Tuan:

Tarikh : 28 Oktober 2024

Dr./Tuan/Puan,

**MAKLUMAN BERKENAAN SUMBANGAN WAKAF KARPET SURAU KPM BERANANG**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas mohon dirujuk.

2. Untuk makluman semua, pada Julai 2024 pihak MUAFAKAT Cawangan KPM Beranang telah melancarkan program bagi sumbangan wakaf untuk pemasangan karpet di Surau An-Nur Kolej Profesional MARA Beranang. Sumbangan tersebut adalah bertujuan untuk memberi lebih keselesaan kepada para pelajar dan para jemaah yang beribadah.

3. Namun, atas sebab-sebab yang tertentu, program tersebut terpaksa dibatalkan. Walaubagaimana pun, pihak Muafakat Kolej Profesional MARA Beranang melalui Mesyuarat Jawatankuasa MUAFAKAT Bilangan 2 bertarikh: 2 Ogos 2024 telah bersetuju memutuskan bahawa sumbangan dana tersebut akan disalurkan untuk kegunaan membaiki/menaik taraf di beberapa bahagian/kawasan di Surau An-Nur Kolej Profesional MARA Beranang.

4. Pihak MUAFAKAT memohon maaf di atas sebarang kesulitan ini dan memohon para penyumbang bersetuju untuk membenarkan sumbangan ini digunakan untuk peruntukan lain berkaitan Surau An-Nur KPM Beranang.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**PROF. MADYA TS. DR. HJ. SHANUSI BIN AHMAD**  
Yang Dipertua MUAFAKAT  
Cawangan Kolej Profesional MARA Beranang

**“Suara Cawangan Didahulukan, Pencapaian MUAFAKAT Diutamakan”**